

Ilmu Balaghah Melayu: Isu, Prospek dan Cabaran

Abu Hassan Abdul¹
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Dalam pendidikan kontemporari, pengajian balaghah Melayu hanya menjadi ilmu pinggiran yang kurang berpengaruh dalam pengajian Melayu. Pemahaman, cakupan dan definisi ilmu dalam bidang ini masih dalam kerangka lama, malah tiada usaha serius untuk memberi nafas baharu terhadap disiplin ini. Permasalahan ini kerana kebergantungan yang keterlaluan terhadap konsep, teori dan dikotomi retorik Barat, selain kurangnya kajian dalam bidang retorik Melayu. Bahasa Melayu memerlukan satu sistem ilmu balaghah yang kukuh serta dapat dipelajari secara sistematik. Teras penjaanan ilmu ini memerlukan pencerakinan terhadap konsep bahasa, sastera dan budaya pelbagai etnik Melayu di Nusantara. Selain itu, nilai-nilai Islami yang terakam dalam karya klasik Melayu harus dijadikan kekuatan dalam kerangka ilmu ini. Penjaanan ilmu balaghah Melayu dapat merungkai beberapa permasalahan dalam pengajian linguistik dan kesusasteraan Melayu moden yang ternyata sangat dipengaruhi oleh nilai-nilai sekularisme serta kehilangan hala tujunya daripada matlamat asal dan falsafah mempelajari bahasa Melayu dan ilmu yang berkaitan dengannya.

Kata kunci : balaghah, retorik, stilistik, estetik, sekularisme

Abstract

In contemporary education, the study of Malay Balaghah exists within the fringes of Malay Studies. The understanding, scope and definition of terms in this area rest within the existing old framework, since a real effort to rejuvenate the discipline is yet to be seen. The main problem relates to its high dependency upon western concepts, theories and rhetorical dichotomy; aside from limited research in the area of Malay rhetoric. The Malay Language needs a comprehensive body of knowledge about Balaghah which may permit a more systematic learning to take place. The foundation in generating this body of knowledge requires an analysis of the concepts of the language, literature and the Malay multiethnic culture in the region. In addition, the Islamic values embedded within the Malay classical texts should be employed as the pillars to this body of knowledge. The generating of a Malay Balaghah body of knowledge should be able to address the various

¹ Corresponding author : Abu Hassan Abdul, Universiti Pendidikan Sultan Idris, email : abu.hassan@fbk.upsi.edu.my

issues relating to linguistic studies and modern Malay literature; which have been heavily influenced by secular values and has lost its sense of direction from the original purpose and philosophy of learning the Malay Language and the knowledge relating to it.

Keywords: balaghah, rhetoric, stylistic, aesthetic, secularism

Pengenalan

Bahasa Melayu telah berkembang hampir 500 tahun dan telah melalui pelbagai cabaran serta perubahan daripada aspek linguistik mahupun kesusasteraan. Sepanjang tempoh tersebut, bahasa Melayu telah menerima pengaruh dalaman dan luaran sama ada yang melibatkan kosa kata, tatabahasa ataupun gaya bahasa. Misalnya, pengaruh bahasa Sanskrit, Arab, Parsi, Hindi, Portugis, Belanda, mahupun Inggeris. Kajian bahasa Melayu turut berkembang selaras dengan peredaran zaman dengan berpandukan pelbagai teori berkaitan dengan linguistik ataupun kesusasteraan. Akan tetapi suatu isu yang agak kurang diberi perhatian oleh para pengkaji ialah berkaitan ilmu Balaghah Melayu. Gagasan balaghah Melayu masih dilihat asing dalam kerangka pengajian Melayu kerana ilmu ini terabai sejak zaman penjajahan sehinggalah hari ini. Malah, dalam kebanyakan seminar, isu berkaitan balaghah Melayu jarang disentuh dan dibincangkan secara serius.

Barangkali satu-satunya seminar yang mengupas persoalan ini pernah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1999 bertemakan “Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu”. Selepas itu gagasan ini kembali dilupakan. Hampir tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk memartabat gagasan ini supaya akhirnya balaghah menjadi satu disiplin ilmu yang dapat dipelajari secara sistematik serta boleh dimanfaatkan dalam pendidikan bahasa dan kesusasteraan Melayu.

Artikel ini cuba menghuraikan beberapa isu, cabaran serta prospek ilmu Balaghah Melayu, dengan harapan dapat menjadi titik tolak kepada penjanaan satu ilmu baharu dalam bahasa Melayu sekali gus memperluas cakupan ilmu bangsa Melayu. Khazanah ilmu bangsa Melayu yang tidak ternilai ini harus dikaji dan diperkembang kerana potensinya untuk menjadi salah satu ilmu teras dalam pengajian Melayu pada masa depan.

Definisi, Latar dan Isu-isu

Perkataan *al-Balaghah* berasal daripada bahasa Arab yang bererti “sampai”. Dari segi istilah, balaghah merujuk penyampaian makna yang indah dengan menggunakan ungkapan yang betul, fasihah serta memberi kesan terhadap jiwa pendengar sesuai dengan situasi semasa (Abdul Wahid, 2006: 6), manakala Abdul Kadir Hussain (1977: 60) mendefinisikan ilmu balaghah sebagai ilmu yang membicarakan cara memilih rangkai kata yang jelas

maknanya dan menyusunnya dengan cara yang indah serta menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dengan tujuan yang dikehendaki.

Dengan kata lain, balaghah merupakan seni yang mengutamakan gaya bahasa indah dalam pelbagai bentuk. Maksud pemakaian bahasa di sini tidak hanya mencakupi aspek linguistik semata-mata, tetapi juga ciri lain yang berupa penyusunan masalah yang digarap dalam suatu susunan makna yang teratur dan logik.

Balaghah sering diterjemah sebagai retorik dalam bahasa Melayu, meskipun cakupan ilmu balaghah sebenarnya lebih luas dan lebih terperinci berbanding dengan ilmu retorik mahupun stilistik. Gorys Keraf (1991: 1-2) mendefinisikan retorik sebagai suatu istilah tradisional bagi teknik perhiasan bahasa sebagai seni percakapan atau penulisan dalam sesuatu bidang ilmu atau sebagai suatu metod yang tersusun yang menjadi panduan dalam pembinaan ayat untuk mempengaruhi sikap dan perasaan orang.

Sebelum retorik Barat berkembang di Nusantara, ulama-ulama Melayu dipengaruhi oleh teknik balaghah Arab dalam penulisan kitab-kitab Jawi atau dikenali sebagai kitab kuning. Hal ini jelas terpancar daripada struktur bahasa Melayu lama yang mirip gaya bahasa Arab, misalnya karya *Tuhfat al-Nafis*, *Aqa'id al-Nasafi* atau *Bustanul al-Katibin*. Walaupun pengaruh balaghah Arab begitu kuat mempengaruhi penulisan kitab-kitab Jawi ketika itu, tetapi hal ini tidak mendorong ulama-ulama Nusantara untuk menyusun kitab khusus yang membincangkan ilmu Balaghah Melayu sebagai mana kitab-kitab balaghah dalam bahasa Arab seperti *Balaghah al-Wadihah*, *Balaghah al-Arabiyyah* atau *Fann al-Balaghah*.

Pada masa yang sama ciri-ciri keindahan bahasa Melayu dalam sastera lisan dan sastera tulisan terserak dalam pelbagai genre, dikenali dengan bermacam nama seperti pantun, gurindam, seloka, pepatah, ruba'i, simpulan bahasa, peribahasa, firasat, teromba dan sebagainya. Tetapi disebabkan ciri-ciri keindahan itu tidak disusun dan dihuraikan dalam satu klasifikasi ilmu yang jelas, terperinci dan kukuh seperti mana ilmu Balaghah Arab menyebabkan peranan serta kekuatan balaghah Melayu tidak begitu terserlah dalam pengajian Melayu.

Seni balaghah Melayu hanya berkembang subur dalam beberapa zaman, terutama pada era keagungan kerajaan Melayu Melaka dengan meluasnya penggunaan pantun, simpulan bahasa, bahasa kiasan, gurindam, seloka dan seumpamanya dalam bentuk lisan. Sebab utama sastera lisan lebih popular dalam kalangan masyarakat Melayu lama ada kaitannya dengan faktor celik huruf dan budaya menulis yang sangat rendah. Hanya golongan istana dan bangsawan yang celik huruf, manakala rakyat biasa umumnya buta huruf. Inilah sebabnya mengapa seni berpantun dan berkias berkembang subur dalam kalangan rakyat biasa, sementara hikayat-hikayat lahir daripada penulis bangsawan atau pujangga istana. Berdasarkan fakta ini, untuk mengkaji

kekuatan balaghah Melayu, maka tumpuan harus diberikan terhadap sastera lisan kerana genre ini mewakili majoriti Melayu, lebih asli dan membudaya dalam kehidupan masyarakat Melayu yang sekali gus memancarkan minda sejati pemikiran Melayu.

Malangnya, kekuatan sastera lisan tidak dipandang tinggi oleh Winstedt dan Wilkinson yang banyak mengkaji tentang bahasa dan sastera Melayu klasik. Pandangan sempit Winstedt dan Wilkinson terhadap sastera lisan dipengaruhi oleh persepsi negatif di Barat pada zaman penjajahan yang tidak mengiktiraf sastera lisan sebagai warisan penting sesuatu tamadun. Winstedt hanya menerima teks bertulis dan karya-karya hikayat sebagai warisan keserjanaan Melayu sesuai dengan pandangan Barat. Walhal hakikatnya, sejarah perkembangan tamadun ilmu di alam Melayu sangat berbeza dengan di Barat. Tragedi inilah yang diungkapkan oleh Arndt Graf (2002: Pendahuluan) dalam sebuah tulisannya:

Di dunia Melayu tradisi lisanlah yang menjadi korban pandangan yang serba sempit sehingga banyak aspek tradisi Melayu tidak dihargai dan diperhatikan. Antara genre tradisi Melayu yang terpenting ialah pidato, ucapan, surat menyurat, silat lidah, manakala yang termasuk bahasa dan sastera yang terpinggir pada zaman penjajahan ialah peribahasa, gaya bahasa dan lain-lain.

Tragedi ini berlanjutan sehinggalah Za'ba menulis *Ilmu Mengarang Melayu* (1934) dan *Pelita Bahasa Penggal III* (1953) dengan memberi huraian tentang konsep kepengarangan Melayu. Za'ba mengemukakan sejumlah ayat, ungkapan dan wacana yang hakikatnya membawa ciri balaghah, tetapi kajian linguistik dan kesusasteraan moden gagal melihatnya dalam konteks ilmu balaghah. Para pengkaji lebih menilai dua karya Za'ba itu dari sudut tatabahasa dan sastera Melayu tradisional, sedangkan pandangan Za'ba menerusi karya tersebut menyorot gagasan ilmu yang lebih luas daripada hanya persoalan tatabahasa dan sastera tradisi. Hanya pada tahun 1995, Hashim Awang (1995: 487) menobatkan karya Za'ba, *Ilmu Mengarang Melayu* sebagai mencerminkan konsep retorik Melayu.

Sungguhpun Za'ba telah menulis dua karya penting berkaitan retorik tetapi hakikatnya balaghah Melayu belum menjadi satu disiplin ilmu yang kukuh dan berpengaruh dalam pengajian Melayu. Permasalahan ini antaranya kerana tulisan Za'ba dalam konteks ilmu balaghah masih pada peringkat asas. Dua karya tersebut memerlukan penghuraian lebih terperinci kerana konsep balaghah Melayu merupakan gagasan baharu dalam pengajian Melayu moden. Banyak aspek yang perlu diteliti sekiranya pengajian balaghah Melayu ingin dimartabatkan menjadi satu disiplin ilmu yang setaraf dengan pengajian balaghah Arab.

Perlu dijelaskan bahawa walaupun entri *rhetoric* sudah lama wujud dalam kamus Inggeris, tetapi Za'ba tidak menggunakan kata pinjaman dari bahasa

Inggeris ini dalam karya-karyanya. Za'ba lebih selesa menggunakan kata 'kiasan' berbanding retorik dengan menyenaraikan sejumlah bahasa kiasan seperti kiasan berbunga, kiasan pemanis, kiasan sandar, kiasan terus, kiasan melompat, kiasan bersajak, kiasan berkacau, kiasan berpindah, selain mengutarakan beberapa bentuk bahasa, iaitu bahasa sindiran, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa terbalik, bahasa melampau dan lain-lain (Za'ba:1934).

Mengapakah Za'ba tidak menggunakan kataan retorik dalam dua karya tersebut? Kita mengandaikan Za'ba mungkin berpendapat istilah tersebut tidak tepat untuk menggantikan istilah kiasan kerana ciri-ciri semantik yang berbeza. Kemungkinan kedua, istilah retorik membawa makna dan konotasi negatif yang sangat bertentangan dengan konsep kiasan dalam bahasa Melayu. Sebagai misalan, retorik sering diterjemah sebagai *words games* yakni permainan kata-kata dan juga dengan maksud propaganda. Konotasi negatif inilah yang menyebabkan kosa kata retorik tidak boleh disamakan dengan kata kiasan yang memancarkan makna-makna positif, didaktik dan puitis dalam seni berbahasa orang Melayu.

Agak menghairankan, meskipun ilmu balaghah sudah lama berkembang di Timur Tengah, dan di Barat dikenali sebagai *rhetoric*, tetapi perkembangannya di alam Melayu amat mendukacitakan. Balaghah hanya mendominasi pengajian bahasa Arab di pondok-pondok dan sekolah-sekolah agama tetapi tidak mempengaruhi sistem bahasa dan sastera Melayu. Sejarah menunjukkan selepas zaman penjajahan, bahasa Melayu dipengaruhi oleh teori linguistik dan kesusasteraan Barat, khususnya dari Eropah dan Amerika Syarikat. Tiada usaha serius untuk menyerap konsep balaghah Arab dalam sistem bahasa Melayu supaya keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan lebih kukuh dan dinamik. Persoalan ini turut disinggung oleh Jalaluddin Rakhmat (2000:11) bahawa:

Balaghah menjadi disiplin ilmu yang menduduki status yang mulia dalam peradaban Islam. Kaum muslim menggunakan balaghah sebagai pengganti retorika. Tetapi warisan retorika Yunani, yang dicampakkan di Eropah abad pertengahan, dikaji dengan tekun oleh para ahli balaghah. Malang sekali, di alam Melayu sangat kurang studi berkenaan dengan kontribusi balaghah pada retorika moden. Balaghah berserta ma'ani, badie' dan bayan masih tersembunyi di pesantren-pesantren dan lembaga-lembaga pendidikan Islam tradisional.

Potensi serta prospek balaghah Melayu kurang dikaji bagi memperluas bidang pengajian Melayu. Pemahaman, cakupan dan definisi ilmu dalam disiplin ini masih dalam kerangka lama dan tiada usaha serius oleh para sarjana untuk memberi nafas baharu terhadap disiplin ini. Permasalahan ini, antaranya kerana kebergantungan yang keterlaluan terhadap konsep, teori, klasifikasi ilmu dan dikotomi retorik Barat, selain kelemahan ahli

bahasa Melayu menguasai bahasa Arab tinggi menyebabkan kajian bersifat merentas bidang, yang berkait hubungan balaghah Arab dengan balaghah Melayu begitu kurang diterokai. Ahli bahasa Melayu terdahulu seperti Raja Ali Haji dan Za'ba menguasai bahasa Arab menyebabkan pengaruh bahasa Arab dan tasawur Islami terpancar dalam karya-karya mereka. Misalnya, karya *Bustanul al-Katibin* dan *Kitab Pengetahuan Bahasa* yang membahas persoalan bahasa Melayu tetapi menyerap pendekatan bahasa Arab.

Kesan daripada kelemahan ini memberi impak, iaitu pengertian retorik dalam konteks pengajian Melayu hanya berkisar pada gagasan retorik Barat yang berteraskan tradisi Yunani, faham sekularisme dan menafikan sama sekali aspek kerohanian. Proses pengajaran dan pembelajaran ilmu retorik moden hanya pada tahap makna struktural, menunjukkan kecacauan pemahaman - seolah konsep rabhaniyyah tidak berperanan dalam sistem bahasa dan sastera Melayu. Dalam hubungan ini, Mohd Affandi Hassan (1994: 35) mengibaratkan penyempitan pengertian sastera dan sastera Melayu (termasuk dalam retorik) sebagai kemunculan semula kosmogoni animisme dan Hindu Buddha dalam bentuk baharu dengan mengatakan bahawa:

Jika kita menyusurgalurkan perkembangan konsep ini, kita akan dapati satu pergolakan sekularisme pemikiran yang hebat, yang kemudiannya berakhir dengan kemenangan sekularisme dan 'sastera' itu menjadi wadah pengucapan duniawi sepenuhnya apabila tulisannya sudah berubah daripada Jawi kepada Rumi dan timbulnya genre-genre baru dari Eropah di dalam sastera Melayu. Satu perkara yang ironis ialah perihal bagaimana 'sastera' yang sebelumnya tetap diwarnai unsur-unsur kerohanian itu akhirnya menjadi sekular seratus peratus.

Kerana kebergantungan yang keterlaluan terhadap epistemologi retorik Barat menyebabkan balaghah Melayu yang sangat kaya dengan estetika kelihatan kerdil dan tidak bermaya dalam pengajian Melayu kontemporari. Beberapa perbincangan tentang retorik Melayu pernah diutarakan, misalnya pandangan Mohd Affandi Hassan (1994: 34) yang mengelompokkan *Puitika Sastera Melayu* (1989) oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh sebagai cerminan retorik Melayu, khususnya konsep sastera, teks, genre, khalayak dan pengarang dalam konteks penglipur lara, pawang, bidan, penghulu, Tok Selampit, Tok Dalang, Awang Batil dan sebagainya.


Seterusnya menurut Affandi (1994), apa juga usaha untuk menarik minat penonton dalam penglipur lara, Tok Selampit dan Awang Batil adalah elemen retorik seperti cerita-cerita tambahan, penggunaan suara, lagu, batil, gendang, patung dan sebagainya. Orang Melayu jelas beliau lebih mementingkan retorik daripada genre untuk mencapai sesuatu maksud. Dengan pengertian lain, orang Melayu lebih mengutamakan matlamat daripada hanya pengucapan yang terlalu umum dan ketat peraturannya.

Perkara ini juga bermakna untuk memahami karya-karya Melayu, lebih mudah mengkaji dari aspek sistem retoriknya berbanding sistem puitika. Menerusi penelitian ini, barulah dapat dihuraikan dengan lebih jelas mengapa karya-karya orang Melayu bercorak didaktik dan mengutamakan ajaran moral.

Selain perbincangan oleh Affandi, beberapa percubaan pernah dilakukan untuk memartabatkan konsep retorik Melayu. Misalnya gagasan At-Qakum oleh Sanad Md. Nasir untuk memberi pembaharuan terhadap bidang pengajian Melayu yang berkaitan retorik (Abu Hassan, 2007: 109). Gagasan At-Qakum menerapkan prinsip-prinsip utama, iaitu *allamahulbayan*, *liya'budu*, *liyubaiyina* dan *wakhtilaf* untuk melihat pengajian bahasa Melayu secara lebih luas tanpa terlalu terikat dengan metodologi pengajian bahasa mengikut acuan Barat.

Menurut Sanad (2007), kajian bahasa selama ini begitu terikat dengan rasionalisme dan emperisme, manakala bahasa menurut At-Qakum seharusnya jauh lebih menyeluruh dan lebih mendalam supaya serasi bukan sahaja dengan bawaaan diri orang Melayu yang terpancar melalui bahasanya tetapi matlamatnya harus jelas serta ada hubungan dengan falsafah ilmu dalam Islam, iaitu untuk mentauhidkan Allah SWT dan menjadi manusia yang bertakwa seterusnya mencapai tingkat kepaadaan At-Qakum.

Daripada gagasan ini, Sanad mengemukakan Model Retorik Paling Luas (RPL) yang melihat retorik bukan sahaja alat untuk pemujukan tetapi menggunakan bahasa untuk tujuan ibadah. Beliau mengkategorikan retorik klasik Barat sebagai retorik sempit (RS), retorik moden Barat sebagai retorik luas (RL), manakala retorik paling luas (RPL) merujuk konsep retorik yang bersendikan prinsip-prinsip Islam sebagai pijakan utama.



Rajah 1 : Model At-Qakum dalam konteks ilmu retorik

Penciptaan model RPL boleh dianggap suatu percubaan cendekiawan Melayu untuk menjelaskan konsep retorik yang lebih serasi dengan jati diri orang Melayu dengan mengangkat elemen-elemen Islami selepas usaha Raja Ali Haji menulis *Bustanul al-Katibin* (1850) dan *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858/59) serta Za'ba menerusi *Ilmu Mengarang Melayu* (1934) dan *Pelita Bahasa Melayu III*. Namun begitu, satu kekurangan model RPL ialah ketiadaan perbincangan yang jelas dari segi teknik serta strategi untuk mencapai matlamat dalam retorik.

Permasalahan dan Cabaran

Adakah ilmu Balaghah Melayu dapat dibentuk berdasarkan acuan ilmu Balaghah Arab? Menurut kajian Salmah Ahmad (Balkis: 1999: 15) ciri-ciri balaghah memang terdapat dalam bahasa Melayu, tetapi ia tidak dihimpun sebagai satu susunan yang lengkap dan dibukukan sebagai satu ilmu yang boleh dipelajari secara sistematik. Apa yang ada dalam bahasa Melayu hanya merupakan ilmu tatabahasa. Dengan perkataan lain, bahasa Melayu belum mempunyai sistem balaghah yang tersusun sebagai mana bahasa Arab, sedangkan ciri-ciri balaghah sememangnya wujud dalam pelbagai genre bahasa, sastera dan budaya Melayu.

Antara punca kenapa konsep balaghah kurang menjadi fokus para pengkaji, pertama; kerana ciri-ciri balaghah Melayu dikenali dengan bermacam nama seperti gaya bahasa, peribahasa, metafora, bahasa kiasan, bahasa halus, bunga bahasa, bahasa santun dan kedua; kesemua ciri-ciri ini tidak disusun dan digabungkan dalam satu disiplin ilmu yang kukuh. Ketiga; ketiadaan satu nama khusus yang boleh mewakili seluruh konsep keindahan dalam bahasa Melayu, dan keempat; keindahan dalam bahasa Melayu dilihat secara terpisah sama ada dari segi retorik, stilistik, semantik, semiotik, estetika atau puitika, sedangkan bidang-bidang ini hanya merupakan ranting daripada pohon ilmu yang lebih besar, iaitu ilmu Balaghah Melayu. Permasalahan ini menunjukkan bahawa konsep keindahan dalam bahasa dan sastera Melayu tidak begitu jelas, tidak sistematik, tidak mendalam dan tidak menampakkan kesatuan yang mantap.

Turut menyumbang terhadap kekeliruan ini ialah kelemahan dari segi fokus pendidikan yakni kepentingan mempelajari ilmu tatabahasa dan ilmu keindahan bahasa. Terlalu banyak penekanan diberikan terhadap pendidikan tatabahasa hingga meminggirkan pembelajaran tentang keindahan bahasa. Hal ini menyebabkan lahirnya ramai lulusan bahasa Melayu yang terlalu mementingkan ketepatan tatabahasa tetapi meremehkan kehalusan estetika dalam berbahasa.

Selain masalah itu, konsep keindahan dalam bahasa Melayu saling bertindan-tindih makna dan definisinya. Misalnya, agak payah untuk kita membezakan antara pengertian peribahasa Melayu, metafora Melayu, puitika Melayu dan bahasa kiasan. Terdapat pelbagai pandangan lama mahupun baharu. Yang

mana satukah pengertian paling tepat dan paling dominan supaya mudah untuk kita menghurai, mengklasifikasi dan menyusun satu sistem balaghah Melayu yang jelas.

Persoalan seterusnya ialah kedudukan bahan yang mengandungi ciri-ciri balaghah masih berselerak dalam pelbagai disiplin pengajian Melayu, dikenali dengan bermacam sebutan baku mahupun dialek. Tambahan menyulitkan sebahagian bahan-bahan ini masih tersembunyi dalam pelbagai warisan seni, sastera serta budaya ratusan etnik Melayu di Nusantara. Usaha mengumpul, mengklasifikasi dan memberi nama-nama baharu terhadap genre-genre balaghah Melayu ini merupakan satu cabaran besar kepada para pengkaji. Amat malang jika bahan yang mengandungi ciri-ciri balaghah Melayu ini pupus ditelan zaman kerana tidak dipedulikan.

Ketiadaan satu disiplin ilmu yang mantap yang boleh mengupas seluruh konsep keindahan dalam bahasa Melayu menyebabkan segala unsur seni dalam bahasa dan sastera Melayu yang mengandungi ciri-ciri balaghah telah kehilangan nilai, makna dan kepentingan dalam kosmologi ilmu bangsa Melayu. Kekurangan ini merupakan sesuatu yang menyedihkan kerana bangsa Melayu telah kehilangan pelbagai khazanah ilmu yang tidak ternilai akibat penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun.

Prospek Ilmu Balaghah Melayu

Penjanaan ilmu Balaghah Melayu dapat memperkaya disiplin pengajian Melayu ke taraf lebih kukuh dan sempurna. Selain dapat meningkatkan prestij bahasa Melayu itu sendiri, penjanaan disiplin baharu ini dapat menyelesaikan beberapa permasalahan, antaranya:

- i. Tiada suatu panduan yang jelas untuk membezakan antara ayat yang sangat indah, sederhana indah, kurang indah atau tidak indah dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana ayat yang gramatis dalam bahasa Melayu belum tentu indah dari segi makna dan strukturnya. Tatabahasa hanya dapat mengukur ayat yang betul salah berdasarkan makna luaran tetapi tidak boleh digunakan untuk mengukur ayat yang berbentuk kiasan atau majazi. Oleh kerana kelemahan ilmu tatabahasa ini, maka penjanaan satu ilmu baharu yang dapat mengukur ciri-ciri keindahan dalam bahasa Melayu amat diperlukan.
- ii. Ilmu balaghah dapat dijadikan panduan untuk mengenal pasti ayat yang tidak jelas, tidak logik dan tidak sampai maksudnya. Penjanaan ilmu ini dapat membantu para pengguna seperti peminat misalnya untuk memilih rangkai kata, ayat serta wacana yang tepat, fasih, logik dan menyakinkan.

- iii. Ilmu balaghah dapat menghubungkan disiplin linguistik dengan kesusasteraan yang dalam konteks pendidikan di negara ini sering dilihat terpisah hingga menimbulkan kekeliruan pemahaman, pertindahan konsep, falsafah serta objektif pengajian kedua-dua bidang tersebut. Langkah memperkenalkan KOMSAS (Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu) di peringkat sekolah menengah masih gagal melonjak keunggulan sastera Melayu. Buktinya peratus calon yang memohon untuk mengikuti pengajian kesusasteraan Melayu di IPTA semakin menguncup. Penjana ilmu balaghah dapat memperkasa fokus serta kepentingan pendidikan bahasa dan sastera Melayu, memberi imej baharu dan mengurangkan pengeseran pendapat tentang hala tuju kedua-dua bidang tersebut.
- iv. Mengembalikan fungsi asal bahasa Melayu dalam hubungannya dengan tasawur Islami, iaitu bahasa harus dilihat dalam dua dimensi dari segi makna dalaman dan makna luaran. Misalnya, kataan bijak atau cerdik mengandung dwimakna, iaitu bijak/cerdik dalam konteks duniawi dan bijak/cerdik dalam konteks ukhrawi. Banyak lagi bentuk leksikal bahasa Melayu yang mengandung dwimakna seperti dicatat dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Namun, ciri-ciri ini sudah terhakis kerana pengaruh sekularisme dalam pengajian linguistik Melayu.

Kajian oleh Yayan Nurbayan et.al (2009) berkaitan ilmu al-Bayan, salah satu cabang ilmu Balaghah Arab menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri persamaan dengan bahasa Indonesia/Melayu, iaitu *tasybih mursal, tasybih muakkad, tasybih mufashshal, tasybih mujmal, tamsili, tasybih baligh, tasybih dhimni, majaz isti'arah tashrihiyyah, majaz mursa dengan berbagai 'alaqahnya, majaz aqli, kinayah sifat dan kinayah nisbah*. Manakala aspek-aspek ilmu al-Bayan yang berbeza dengan kaedah bahasa Indonesia/Melayu ialah, *tasybih maqlub, majaz isti'arah makniyyah, isti'arah ashliyyah, isti'arah tabaiyyah, isti'arah murashshahah, isti'arah mujarroddah, isti'arah muthlaqah dan kinayah maushuf*.

Hakikat bahawa bahasa Melayu harus kembali kepada fungsi asalnya sangat dirasakan melihat arus pendidikan semasa yang nampaknya gagal melahirkan generasi yang luhur akal budi dan sahsiahnya. Pembelajaran bahasa Melayu kini sudah amat jauh menyimpang daripada tradisi pengajian bahasa dalam tasawur Islami, iaitu sebagai alat mengenal Allah s.w.t dan seluruh kewujudan-Nya, selain untuk memperoleh ilmu yang benar yang akan membawa kepada keyakinan, ketakwaan dan mengenal adab kesopanan yang mulia.

Fenomena kemusnahan akal budi ini menurut Hashim Musa (2005: xxv) merupakan suatu malapetaka, suatu bala dan suatu tragedi kepada orang Melayu Islam apabila dalam pengajian dan pembelajaran bahasa ibundanya, konsep-konsep utama yang menjadi asas pembentukan kefahamannya

terhadap sistem kosmologi, ontologi dan epistemologinya yang benar dan tepat tidak dapat disampaikan lagi.

Cadangan Ke Arah Penjanaan Ilmu Balaghah Melayu

Dalam usaha menjana disiplin ini beberapa aspek harus diambil kira, iaitu:

- i. Mengambil acuan ilmu Balaghah Arab sebagai kerangka asas untuk membina ciri-ciri dalam ilmu Balaghah Melayu. Sudah pasti terdapat aspek-aspek yang tidak wujud dalam bahasa Melayu kerana perbezaan struktur kedua-dua bahasa. Masalah ini tidak harus dijadikan halangan kerana kemungkinan terdapat ciri lain dalam bahasa Melayu yang boleh difikirkan sebagai alternatif. Misalnya, genre-genre seni dalam dialek Melayu yang selama ini tidak pernah dikaji dalam konteks ilmu balaghah.
- ii. Beberapa disiplin linguistik dan sastera Melayu yang berpotensi dijadikan tunjangan harus disaring, digabung dan diklasifikasi ciri-cirinya supaya bersesuaian dengan gagasan dalam balaghah Melayu. Antaranya seperti ilmu retorik, stilistik, estetika, semiotik, tatabahasa, semantik, bahasa kiasan, peribahasa, wacana dan puitika. Termasuk juga beberapa konsep sastera lisan seperti ilmu firasat, petua orang tua-tua, mantera, berendoi, penglipur lara, teka-teki dan lain-lain.
- iii. Teknik bercerita (*narratology*) yang merupakan aspek dalam studi sastera harus dimanfaatkan sebagai salah satu ranting dalam kerangka balaghah Melayu kerana masyarakat Melayu sejak zaman tradisi gemar menggunakan teknik bercerita untuk menyampaikan pesan didaktik dan mesej-mesej tersurat bagi tujuan mendidik, sindiran, pujian dan hiburan.
- iv. Menggantikan istilah retorik yang berasal daripada bahasa Yunani dengan kosa kata Melayu untuk merujuk penggunaan bahasa yang indah. Hal ini kerana pengertian retorik dalam konteks moden sering difaham dengan maksud negatif menyebabkan ciri keindahan bahasa yang cuba ditonjolkan tidak terserlah, bahkan berkemungkinan disalah tafsirkan. Istilah *stylistic* juga tidak begitu tepat kerana terdapat pelbagai tafsiran dari segi linguistik dan kesusasteraan. Ringkasnya, *rhetoric*, *stylistic*, *discourse*, *semiotic* dan *poetic* dalam konteks pengajian Melayu moden hanya sesuai dijadikan cabang-cabang atau ranting daripada pohon ilmu yang lebih rimbun, iaitu ilmu Balaghah Melayu.
- v. Pengertian metafora Melayu yang bertindan-tindih maknanya dengan genre-genre lain dalam sastera Melayu harus diberi definisi baharu yang lebih jelas supaya mudah kita mengklasifikasi jurai-jurai,

pecahan serta tingkat-tingkat dalam metafora Melayu, perkaitan serta perbezaannya dengan ilmu yang lain yang jika diikat seluruh bidang-bidang tersebut akan membentuk satu keluarga besar di bawah nama ilmu Balaghah Melayu.

- vi. Menggantikan istilah Yunani/Barat dalam bidang retorik atau stilistik seperti anafora, asonansi, anadiplosis, kiasmus, parentesis, simili, isokolon, apistrop, paronomasia, alusi dan sebagainya dengan istilah kemelayuan. Salah satu cara dengan meminjam daripada bahasa Sanskrit, Jawa, Bugis, Kadazan, Dusun, Melanau, Murut, Sunda, Aceh, Batak ataupun dialek-dialek lain dalam rumpun Melayu.
- vii. Menerbitkan buku pegangan, kamus dan glosori berkaitan balaghah Melayu yang dapat dijadikan panduan untuk memahami dengan sedalamnya disiplin ini. Kajian-kajian berkaitan balaghah Melayu harus digalakkan termasuk perbandingan dengan balaghah Arab ataupun seni berbahasa bangsa-bangsa lain di rantau Asia, Afrika atau Eropah.
- viii. Mengkaji seluruh kekuatan peribahasa dan metafora dalam dialek Melayu di Nusantara sama ada dalam bentuk bahasa kiasan, bahasa halus, bahasa sindirian, bahasa ejekan dan seumpamanya. Kajian-kajian berkaitan metafora Melayu tidak begitu mempengaruhi perkembangan bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu kontemporari.
- ix. Mengkaji karya agung Melayu misalnya *Hikayat Hang Tuah*, *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)*, *Taj al-Salatin* dan lain-lain dari sudut pandang ilmu balaghah kerana karya-karya ini mengandungi ciri-ciri balaghah Melayu yang kukuh dan telah teruji sejak zaman berzaman.
- x. Menyerapkan unsur rabbani dan rohani dalam falsafah, prinsip dan strategi balaghah Melayu dengan tujuan mengimbangi dengan pengaruh sekularisme dalam pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu moden. Tanpa pendekatan ini, falsafah serta konsep balaghah Melayu akan terus terperangkap dengan sekularisme.
- xi. Menyerapkan pandangan Za'ba berkaitan kepengarangan Melayu dan juga gagasan Raja Ali Haji berkaitan falsafah dan matlamat pengajian bahasa Melayu seperti diutarakannya dalam *Bustanul al-Katibin*, *Kitab Pengetahuan Bahasa* dan *Ilmu Mengarang Melayu* supaya asas ilmu dalam disiplin ini dapat mencerminkan akal budi, kosmologi dan pemikiran Melayu yang hakiki.
- xii. Menggalakkan pelajar major pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab mengambil bidang bahasa dan sastera Melayu sebagai minor


untuk mengalakkan kajian bersifat merentas bidang berkaitan balaghah Melayu. Dengan pengetahuan mereka tentang balaghah Arab dan subjek-subjek teras bahasa dan sastera Melayu, potensi balaghah Melayu berkembang subur dalam kajian ilmiah seterusnya membentuk satu disiplin ilmu yang kukuh dapat direalisasikan dengan lebih cepat.

Ilmu Balaghah Melayu berpotensi menjadi salah satu ilmu teras dalam pengajian Melayu masa depan, selain tatabahasa dan kesusasteraan. Manfaatnya tidak ternilai, dengan syarat segala konsep, gagasan serta matlamatnya hendaklah benar-benar mencerminkan pandangan sejagat dan pemikiran Melayu yang hakiki. Ilmu Balaghah Melayu umpama permata yang sudah begitu lama terbenam di bumi; kekuatan, keindahan serta peranannya tidak pernah digali, digilap dan dipersembahkan.

Tidak diragu lagi, penjana ilmu Balaghah Melayu berupaya menjadi pelengkap kepada disiplin linguistik dan kesusasteraan Melayu, meletakkan dua disiplin tersebut lebih mantap, lebih luas cakupannya dan lebih berdaya saing. Kita boleh menamakannya **Ilmu Balaghah Melayu**, **Seni Balaghah Melayu** atau **Tata Balaghah Melayu**. Ketiga-tiga istilah ini dikira paling sesuai untuk mewakili seluruh konsep keindahan dalam bahasa dan sastera Melayu.

Dalam situasi pengajian bahasa dan kesusasteraan Melayu hari ini yang semakin longlai dan kurang diminati, penjana disiplin ini diyakini dapat memberi suntikan baharu yang akan membawa perubahan bermakna terhadap masa depan pengajian Melayu. Rajah 2 menunjukkan gambaran kedudukan ilmu Balaghah Melayu sebagai ilmu teras dalam konteks pengajian Melayu pada masa hadapan.

Rajah 2 : Kedudukan ilmu Balaghah Melayu dalam pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Melayu pada masa depan.



Penutup

Potensi balaghah menjadi disiplin ilmu yang penting dalam pengajian Melayu moden hanya akan tercapai jika ada keberanian ahli-ahli bahasa dan sastra Melayu di Nusantara untuk meneroka, mengkaji, menteorikan dan mengklasifikasi semula konsep-konsep klasik dan moden, terutama yang menyentuh seni orang Melayu berkomunikasi dan melahirkan idea sama ada secara lisan, tulisan ataupun melalui simbol-simbol.

Tokoh-tokoh bahasa, sastra dan agamawan Arab mengambil masa ratusan tahun untuk membina ilmu Balaghah Arab menjadi satu disiplin yang kukuh dan berpengaruh dalam pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab. Adakah kita bersedia mencontohi kegigihan, semangat serta perjuangan mereka yang begitu lama? Perbincangan tentang potensi balaghah Melayu dalam artikel ini diharap dapat membuka dimensi baharu dan ruang perbincangan yang lebih bermakna dalam perjuangan memperluas cakupan ilmu dalam bahasa Melayu serta mengangkat martabat bahasa Melayu ke tahap yang lebih cemerlang.

Catatan Hujung

- ¹ Ilmu Balaghah Arab terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi'. Dari segi sejarah, menurut Sohair (Balkis, 1999: 7), ilmu Balaghah Arab bermula dalam bentuk kritikan sastra sejak zaman Jahiliyah. Antara amalan orang Arab dahulu ialah mengunjungi pasar 'Ukaz bagi mendeklamasi syair-syair yang dikemudiannya diadili oleh penyair-penyair terkemuka. Setiap pengkritik dan penilai akan mengemukakan hujah sama ada pro dan kontra. Ilmu balaghah kemudiannya berkembang dalam bentuk kesusasteraan dan kitab-kitab tafsir. Ilmu al-Balaghah turut dirintis oleh cendekiawan Islam, berperanan bagi kepentingan agama, iaitu mempertahankan kesucian al-Quran. Mereka menggunakan balaghah untuk memahami mukjizat al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Menurut Ibnu Khaldun (Idris, 2005: 36) tokoh penting yang paling masyhur mengasaskan ilmu Balaghah Arab ialah Abd al-Qahir al-Jurjani (471H).
- ² Menurut Graf (2002) Wilkinson, Winstedt dan lain-lain pengkaji Eropah hanya menggolongkan karya kesusasteraan tertentu sebagai canon sastra Melayu dan meminggirkan sastra lisan Melayu. Persepsi pengkaji Eropah ini ada hubungannya dengan pertentangan semacam perang dingin di Eropah antara ahli kesusasteraan dengan ahli retorik. Yang kalah dalam perang dingin itu ialah ahli retorik menyebabkan retorik tidak lagi diajar di sekolah dan universiti. Akhirnya bahagian stilistik daripada ilmu retorik telah diambil alih oleh ilmu linguistik. Kesannya banyak genre retorik yang tidak lagi diperhatikan, antaranya termasuklah pidato atau genre penulisan seperti syair. Pada abad ke-19 baik di Eropah mahupun di luar Eropah bidang retorik terus tenggelam dan disisihkan.

- ³ Penghapusan tulisan Jawi sebenarnya ada hubungan dengan Perang Salib antara Islam dan Kristian dan kejatuhan kerajaan Uthmani di Turki. Penjajah Barat melaksanakan misi penghapusan tulisan yang berasal daripada abjad Arab dengan tujuan memadamkan nilai-nilai Islam daripada diwarisi generasi umat Islam di negara yang dijajah. Misi ini berjaya dilaksanakan di Turki, negara-negara Balkan dan Afrika. Sebelum zaman penjajahan Barat terdapat puluhan etnik/bangsa menggunakan abjad Arab sebagai tulisan rasmi, tetapi kini hanya digunakan dalam tulisan Parsi (Iran), Urdu (India/Pakistan), Pashtun (Afghanistan) dan Jawi (Malaysia/Indonesia/Selatan Thailand). Fakta penting ini tidak dinyatakan dalam buku-buku tentang sejarah perkembangan bahasa Melayu.

Rujukan

- Abdullah b. Mohamad (Nakula). (1980). *Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu, Hubungannya dengan Islam dan Kesenian*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Abdul Wahid Salleh. (2006). *Ilmu Al-Ma'ani, Siri al-Balaghah al-Arabiyyah*, Kuala Terengganu: Bayt Al-Hikmah.
- Abu Hassan Abdul. (2007). *Strategi Retorik Dalam Autobiografi Melayu*. Tesis Ph.D. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Arndt Graf. (2002). *Bibliografi Retorik Melayu Beranotasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balkis Hj Abu Bakar et al. (1999). *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab – Melayu*, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gorys Keraf. (1991). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Cetakan Pertama. Jakarta: Pustaka Utama.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu, Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya, Monograf 1*, Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Idris Abdullah. (2005). *Al-Hadith: Satu Kajian dari Sudut Al-Balaghah*, Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin Rakhmat. (2000). *Retorika Modern Pendekatan Praktis*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Mohd Affandi Hassan. (1994). *Medan-medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*, Kota Bharu: Kelantan: Penerbit Tiga Puteri.
- Muhammad Hj Salleh. (1989). *Puitika Sastera Melayu: Suatu Pertimbangan Syarahan Perdana*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lim Kim Hui. (2007). *Pemikiran Retorik Barat: Sebuah Pengantar Sejarah*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka: Brunei Darussalam.

- Raja Ali Haji. (1850 / Edisi Jawi). (2005). *Bustanul al-Katibin*. Edisi Rumi/Jawi. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Yayan Nurbayan et al. (2009). *Pengembangan Materi Ajar Balaghah Berbasis Pendekatan Kontrastif Untuk Meningkatkan Kualitas Mahasiswa Bahasa Arab FPBS UPI*. Jurnal Penelitian Vol. 10.No.2. Universitas Pendidikan Indonesia: Bandung.
- Za'ba. (1934/ Edisi Jawi). (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Edisi Rumi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Hassan Abdul
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email : abu.hassan@fbk.upsi.edu.my